Utusan Borneo : 9 Januari 2026

Penganggur miliki kerambit di tempat awam tanpa kebenaran kena lima tahun, sebatan

KUCHING: Mahkamah Sesyen semalam menjatuhkan hukuman penjara lima tahun serta satu sebatan terhadap seorang penganggur lelaki yang memiliki sebilah kerambit di tempat awam tanpa kebenaran dan tujuan sah.

Wan Abdul Rahman Wan Bujang, 30, mengaku bersalah di hadapan Hakim Jason Juga sebaik didakwa mengikut Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum 10 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 2.30 petang pada 3 September 2025, di dalam sebuah kenderaan diletakkan di tepi jalan berhampiran Simpang Kampung Bedup, Jalan Sri Aman-Serian, Lebuhraya Pan Borneo, Serian.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan polis yang melakukan rondaan telah menahan sebuah kenderaan dipandu tertuduh dan menemui sebilah kerambit berserta sarung.

Polis ketika pemeriksaan menemui senjata berkenaan diselitkan pada penutup cahaya matahari (sunvisor) dalam kereta.

Berikutan itu, polis menangkap tertuduh dan merampas kerambit terbabit untuk dijadikan barang kes.

Hasil siasatan polis kemudian mendapati tertuduh didapati memiliki senjata berjadual iaitu sebilah kerambit semasa berada di tempat awam tanpa kebenaran dan tujuan yang sah.

Dalam pada itu difahamkan, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 13 bulan di Mahkamah Majistret Serian pada 6 November 2025, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

Tertuduh juga sedang berhadapn pertuduhan di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dengan pengurusan kes ditetapkan di Mahkamah Majistret Serian pada 26 Januari 2025.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Aiman Mutalib Muhammad Shariff sementara tertuduh tidak diwakili peguam.